



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA (21 OGOS 2020)

1. LAPORAN HARIAN

Hari ini **satu (1) kes** positif COVID-19 dilaporkan di Daerah Kuching. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak sebanyak **687** kes.

A. Ringkasan Kes 687: Kes Jangkitan Tempatan

Kes **Ke-687** ini merupakan seorang lelaki warganegara India, berumur 26 tahun yang bekerja sebagai nelayan di sebuah syarikat kapal perikanan di Kuching. Kes telah menjalani saringan swab rT-PCR untuk COVID-19 bagi tujuan pulang ke negara asal di sebuah hospital swasta di Kuching pada 20 Ogos 2020. Keputusan ujian makmal mendapati *swab nasopharyngeal* dan *oropharyngeal* kes adalah positif untuk COVID-19 pada hari yang sama. Kes telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Kes juga tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala.

Kes ini adalah jangkitan tempatan kerana kes tidak mempunyai sejarah perjalanan melawat atau balik ke luar negara sejak tiba di Malaysia pada Julai 2019. Pengesanan kontak rapat yang melibatkan rakan-rakan tempat kerja kes juga masih dilakukan.

B. Kluster COVID-19 yang masih aktif.

Setakat hari ini, jumlah kluster yang masih aktif adalah sebanyak **tujuh (7)** dan melibatkan seramai **59 orang kes** seperti berikut:

- a) Kluster Syarikat Kejuruteraan: kekal lapan (8) kes
- b) Kluster Mambong: kekal tujuh (7) kes
- c) Kluster Sentosa: kekal 31 kes
- d) Kluster PUI Melbourne: kekal tiga (3) kes
- e) Kluster Syarikat Pembinaan Kuching: kekal dua (2) kes
- f) Kluster Pasar Satok: kekal empat (4) kes
- g) Kluster Alam, Bintulu: kekal empat (4) kes

Dimaklumkan juga **tiada kes** baru yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital hari ini. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini kekal seramai **661** orang atau **96.22%**.

Seramai **tujuh (7)** orang masih menerima rawatan dalam wad isolasi hospital, dan jumlah kematian kekal 19 orang atau 2.77%. Hari ini sebanyak **17 PUI** baru dilaporkan dan **14 kes** masih menunggu ujian makmal.

Pada hari ini, Daerah Kuching telah bertukar daripada status hijau kepada status kuning setelah satu (1) kes tempatan baharu dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas di Daerah Kuching adalah satu (1) kes.

2. LAPORAN NOTIS KOMPAUN

Pihak PDRM telah mengeluarkan sebanyak **7 notis** kompaun kerana tidak mematuhi Garis Panduan (SOP). Notis kompaun yang telah dikeluarkan adalah di Padawan (3), Kota Samarahan (2), Sarikei dan Betong (1).

3. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (10 JUN HINGGA 31 OGOS 2020)

PDRM akan terus memperketatkan Garis Panduan (SOP) termasuk pemakaian pelitup topeng muka di tempat awam. Hari ini sebanyak **1,702 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (249), Restoran (331), Kilang (10), Bank (124), Pejabat Kerajaan (77), Penjaja (51), Pasar Tani/Awam (85), Tempat Ibadah (76), Tempat Riadah (35), Tapak Pembinaan (19) dan lain-lain (645).

Seramai **637 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (317), ATM (40), RELA (133), APM (103), PBT (36) dan KKM (8).

4. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG DAN TANGKAPAN

Hari ini terdapat **6 sekatan jalan raya** di 5 buah daerah bersempena dengan Op Benteng iaitu di Lundu (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Daripada 6 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,546** jumlah kenderaan telah diperiksa.

Manakala pihak PGA telah membuat serbuan dan tangkapan seorang warga tempatan yang disyaki sebagai tekong dan dua (2) lelaki warganegara Indonesia bersama barangan rampasan sebuah kereta Myvi dan senjata merbahaya iaitu parang (1), pisau (2) yang diselit disebelah tempat duduk pemandu di Kampung Mujat, Serian. Mereka ditangkap di bawah seksyen 26A Akta Anti Pmerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran (ANTIPSOM) 2007 dan Seksyen Akta Bahan-Bahan Kakisan, Letupan dan Senjata Berbahaya (ABKLSB) 1958 serta di bawah Akta imigresen 1959.

Tangkapan dan rampasan yang telah dibuat dan diserahkan kepada pihak Balai Polis Tebedu dan IPD Serian untuk tindakan lanjut.

Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives
Jaga Sarawak Intu Sarawak

SEKRETARIAT
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK
21 OGOS 2020
4.00 PETANG

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Kes Terdahulu	686	Kes sedang dirawat di hospital	7	1.02%	
Kes Baharu	1	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%	
Jumlah Individu Disampel	75,576	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>intubated</i>)	0	0.00%	
Kes Positif Keseluruhan	687	Jumlah kes kematian	19	2.77%	
IR per 100,000 penduduk	22.27	Kes telah sembuh dan discaj	661	96.22%	
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	Kumulatif	Baru	Kumulatif	
Negatif	6	8,643	Patient Under Investigation (PUI)	17	9,344
Menunggu keputusan	13	14			

Status Semasa	SGH Kuching	Hospital Sibul	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital	2	1	4	0	0	7
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0	0
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>Intubated</i>)	0	0	0	0	0	0
Jumlah kes kematian	17	0	0	2	0	19
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	0	0	0	0	0
	Kumulatif	569	33	27	31	1
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital (<i>Re-tested Positive</i>)	9	8	2	0	0	19

DAERAH KUNING (1)

No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Kuching	17	6,149	1	424	0	410	0	12	2	3	1
Jumlah		17	6,149	1	424	0	410	0	12	2	3	1

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

DAERAH HIJAU (39)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Serian	0	303	0	24	0	24	0	0	0	0	0
2	Lundu	0	244	0	3	0	3	0	0	0	0	0
3	Samarahan	0	546	0	112	0	108	0	4	0	0	0
4	Bau	0	168	0	6	0	6	0	0	0	0	0
5	Bintulu	0	278	0	31	0	27	0	0	4	4	0
6	Sibu	0	106	0	10	0	9	0	0	1	1	0
7	Simunjan	0	60	0	8	0	8	0	0	0	0	0
8	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
9	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0	0
10	Limbang	0	31	0	9	0	8	0	1	0	0	0
11	Miri	0	825	0	23	0	22	0	1	0	0	0
12	Asajaya	0	41	0	5	0	5	0	0	0	0	0
13	Sri Aman	0	49	0	3	0	2	0	1	0	0	0
14	Betong	0	187	0	16	0	16	0	0	0	0	0
15	Lawas	0	13	0	1	0	1	0	0	0	0	0
16	Mukah	0	44	0	1	0	1	0	0	0	0	0
17	Matu	0	5	0	1	0	1	0	0	0	0	0
18	Sarikei	0	91	0	6	0	6	0	0	0	0	0
19	Saratok	0	23	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Lubok Antu	0	21	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Meradong	0	34	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Tatau	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Daro	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Kapit	0	31	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
37	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
38	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
39	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		0	3,195	0	263	0	251	0	7	5	5	0
Jumlah Besar		17	9,344	1	687	0	661	0	19	7	8	1

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Pada hari ini, seramai **52 Person Under Surveillance (PUS)** telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **14 buah hotel** adalah seramai **692 orang**. Manakala seramai **22,004 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 21.08.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (352)	Hock Lee	44
2		Hilton	52
3		Harbour View	154
4		Riverside (Astana Wing)	102
5	Miri (244)	Mega	39
6		Eastwood Valley	67
7		Meritz	36
8		Dynasty	102
9	Bintulu (41)	Wasan Inn	14
10		Motel Kapok	10
11		Faber Inn	17
12	Limbang (17)	Purnama	11
13		Mandarin (Lawas)	6
14	Sibu (38)	Premier	38
Jumlah PUS			692

3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Pada hari ini, sebanyak **1 lokasi di Miri** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,512 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 21.08.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	Kuching	477
2	Miri	277
3	Sibu	129
4	Bintulu	111
5	Samarahan	109
6	Sarikei	103
7	Limbang	77
8	Serian	50
9	Betong	48
10	Mukah	46
11	Sri Aman	44
12	Kapit	41
Jumlah		1,512

4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Pada hari ini, sebanyak **27 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 21.08.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	MP Padawan	3
2	MD Serian	3
3	MD Sri Aman	4
4	MD Lubok Antu	2
5	MP Sibul	10
6	MD Marudi	4
7	MD Lawas	1
Jumlah		27